

11/01/2001

Debat tidak boleh diteruskan

KUALA LUMPUR, Rabu - Perdebatan antara Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein dengan Ketua Dewan Pemuda Pas, Mahfuz Omar tidak boleh diteruskan kerana hanya satu pihak bersetuju.

Serentak itu, Prof Diraja Ungku Aziz berkata beliau tidak boleh memberi nasihat kepada sesiapa berhubung perkara itu kerana beliau hanya bertindak sebagai moderator.

"Saya hanya tunggu kalau kedua-dua pihak bersetuju, saya bersedia (dengan tarikh yang ditetapkan), tetapi saya bukannya seorang agen yang boleh meneruskan atau menghentikan perdebatan itu," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Mahfuz yang tetap ingin meneruskan perdebatan mengenai hak keistimewaan orang Melayu dengan Hishammuddin dengan alasan tarikh bagi perdebatan itu sudah ditetapkan.

Malah, Mahfuz sebelum ini menyelar Hishammuddin sebagai seorang ketua yang tidak mempunyai pendirian tetap berhubung perkara berkenaan selepas Hishammuddin membatalkan perdebatan itu.

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut memberi arahan supaya debat itu dihentikan supaya perbincangan mengenai perpaduan Melayu dengan Pas dapat dilakukan.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, debat antara kedua-dua pemuda itu tidak perlu diadakan sekarang kerana perjumpaan bagi mencapai perpaduan Melayu antara Umno dengan Pas perlu diadakan terlebih dulu.

Mengenai ketegasan Mahfuz untuk meneruskan debat berkenaan, Ungku Aziz berkata: "Itu masalah dia, dan bukan masalah saya atau awak."

(END)